



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM  
JABATAN ALAM SEKITAR

**SIARAN MEDIA  
JABATAN ALAM SEKITAR**

**29 SEPTEMBER 2023**

---

**LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU  
DALAM NEGARA**

---

29 September 2023, PUTRAJAYA - Secara keseluruhannya kualiti udara dalam negara menunjukkan kemerosotan dengan penambahan kawasan yang mencatatkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang tidak sihat pada hari ini. IPU yang direkodkan pada hari ini jam 8.00 malam menunjukkan 3 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 53 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. **12 stesen mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat iaitu di:**

- 1. Seberang Jaya , P.PINANG (IPU 110)**
- 2. Taiping , PERAK (IPU 118)**
- 3. Tasek, PERAK (IPU 106)**
- 4. Tanjung Malim , PERAK (IPU 106)**
- 5. Batu Muda , W.P KUALA LUMPUR (IPU 151)**
- 6. Cheras , W.P KUALA LUMPUR (IPU 155)**
- 7. Putrajaya , W.P KUALA LUMPUR (IPU 115)**

8. Kuala Selangor , SELANGOR (IPU 153)
9. Petaling Jaya , SELANGOR (IPU 153)
10. Shah Alam , SELANGOR (IPU 142)
11. Nilai , NEGERI SEMBILAN (IPU 126)
12. Johan Setia , SELANGOR (IPU 139)

**Kebakaran hutan yang berlaku di bahagian selatan Sumatera dan bahagian tengah dan selatan Kalimantan, Indonesia telah menyebabkan jerebu merentas sempadan dan memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di kebanyakan kawasan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan bahagian Barat Sarawak.**

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada **29 September 2023**, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 20*, **52 titik panas (*hotspot*) dikesan di Sumatera, 264 titik panas (*hotspot*) dikesan di Kalimantan dan tiada titik panas (*hotspot*) dikesan di dalam negara.**

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASMC pada **29 September 2023** (Rajah 1) rantau selatan ASEAN keadaan cuaca kering masih berpanjangan di bahagian tengah dan selatan Sumatera serta selatan Kalimantan, Indonesia. Gugusan titik panas di selatan Sumatera dan Jambi berterusan melepaskan asap jerebu sederhana hingga tebal dan ditiup oleh angin ke arah barat laut. Di Kalimantan, gugusan titik panas di tengah dan selatan Kalimantan berterusan melepaskan asap jerebu tebal di mana boleh memberi kesan jerebu di barat Sarawak. Hujan turun di beberapa bahagian barat Kalimantan dan keadaan ini dapat mengurangkan keadaan titik panas dan jerebu di sana.

**JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.**

**Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan telah diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.**

**Semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri serta mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.**

### **NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

- **Orang ramai dinasihatkan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia ([www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;**
- **Orang ramai diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja. Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan**

kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.


- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

**-TAMAT-**

**DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**  
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

PETA JEREBU SERANTAU 29 SEPTEMBER 2023

Regional Haze Situation



**Latest Weather and Haze Situation**

Dry weather persisted over southern and central Sumatra and southern Kalimantan today. Over the provinces of South Sumatra and Jambi, there were scattered hotspots emitting moderate to dense smoke plumes, and many stations recorded air quality at the Unhealthy to Very Unhealthy levels. Localised smoke plumes and slight to moderate haziness were also observed in the Riau province. Most of the smoke plumes over Sumatra had been blown towards the northwest by prevailing winds. Over southern Kalimantan, widespread dense smoke haze emanating from persistent hotspot clusters continued to envelop many areas in the Central Kalimantan and South Kalimantan provinces, where Very Unhealthy air quality was reported. In addition, showers fell over some parts of western Kalimantan and brought a slight relief to the hotspot and haze situation there.

Updated 5:30 PM 29 Sep

**Weather and Haze Outlook**

Dry conditions are forecast to continue over much of Sumatra and Kalimantan over the next few days, despite isolated showers forecast for some parts of central Sumatra and western Kalimantan. Under the prolonged dry weather, elevated hotspot activity and widespread hazy conditions are expected to persist over the fire-prone areas in southern and central Sumatra, as well as southern Kalimantan. The prevailing winds are forecast to blow mainly from the southeast.

Updated 5:30 PM 29 Sep

## BILANGAN TITIK PANAS (*HOTSPOT*) 28 SEPTEMBER 2023

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2023  
HARI : KHAMIS  
SATELIT : NOAA20

SEMENANJUNG MALAYSIA		
BIL	NEGERI	HOTSPOT
1	Johor	0
2	Kedah	0
3	Kelantan	0
4	Melaka	0
5	Negeri Sembilan	0
6	Pahang	0
7	Perak	0
8	Perlis	0
9	Pulau Pinang	0
10	Sabah	0
11	Sarawak	0
12	Selangor	0
13	Terengganu	1
14	W.P. Kuala Lumpur	0
15	W.P. Putrajaya	0
16	W.P. Labuan	0
JUMLAH HOTSPOT		1

NEGARA SERANTAU		
BIL	NEGARA	HOTSPOT
1	Sumatera	142
2	Kalimantan	561
3	Brunei	0

**BACAAN IPU BAGI SELURUH MALAYSIA JAM 8.00 MALAM, 29 SEPTEMBER 2023**

CAQM CURRENT API VALUE & CLASS		Date/Time: 29/09/2023 20:00	
STATION ID	LOCATION	API	CLASS
CA01R	Kangar, PERLIS	76**	Moderate
CA02K	Langkawi, KEDAH	74**	Moderate
CA03K	Alor Setar, KEDAH	79**	Moderate
CA04K	Sungai Petani, KEDAH	89**	Moderate
CA05K	Kulim Hi-Tech, KEDAH	87**	Moderate
CA06P	Seberang Jaya, PULAU PINANG	110**	Unhealthy
CA07P	Seberang Perai, PULAU PINANG	98**	Moderate
CA08P	Minden, PULAU PINANG	95**	Moderate
CA09P	Balik Pulau, PULAU PINANG	94**	Moderate
CA10A	Taiping, PERAK	118**	Unhealthy
CA11A	Tasek Ipoh, PERAK	106**	Unhealthy
CA12A	Pegoh Ipoh, PERAK	86**	Moderate
CA13A	Seri Manjung, PERAK	94**	Moderate
CA14A	Tanjung Malim, PERAK	106c	Unhealthy
CA15W	Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR	151**	Unhealthy
CA16W	Cheras, W.P. KUALA LUMPUR	155**	Unhealthy
CA17W	Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA	115**	Unhealthy
CA18B	Kuala Selangor, SELANGOR	153**	Unhealthy
CA19B	Petaling Jaya, SELANGOR	153**	Unhealthy
CA20B	Shah Alam, SELANGOR	142**	Unhealthy
CA21B	Klang, SELANGOR	86**	Moderate
CA22B	Banting, SELANGOR	97**	Moderate
CA23N	Nilai, NEGERI SEMBILAN	126**	Unhealthy
CA24N	Seremban, NEGERI SEMBILAN	91**	Moderate
CA25N	Port Dickson, NEGERI SEMBILAN	84**	Moderate
CA26M	Alor Gajah, MELAKA	83**	Moderate
CA27M	Bukit Rambai, MELAKA	88**	Moderate
CA28M	Bandaraya Melaka, MELAKA	79**	Moderate
CA29J	Segamat, JOHOR	85**	Moderate
CA31J	Batu Pahat, JOHOR	90**	Moderate
CA32J	Kluang, JOHOR	77**	Moderate
CA33J	Larkin, JOHOR	93**	Moderate
CA34J	Pasir Gudang, JOHOR	86**	Moderate
CA35J	Pengerang, JOHOR	75**	Moderate
CA36J	Kota Tinggi, JOHOR	74**	Moderate
CA66J	Tangkak, JOHOR	80**	Moderate
CA37C	Rompin, PAHANG	72**	Moderate
CA38C	Temerloh, PAHANG	90**	Moderate
CA39C	Jerantut, PAHANG	90**	Moderate

CAQM CURRENT API VALUE & CLASS			
STATION ID	LOCATION	Date/Time: 29/09/2023 20:00	
		API	CLASS
CA40C	Indera Mahkota Kuantan, PAHANG	69**	Moderate
CA41C	Balok Baru Kuantan, PAHANG	65**	Moderate
CA42T	Kemaman, TERENGGANU	74**	Moderate
CA43T	Paka, TERENGGANU	65**	Moderate
CA44T	Kuala Terengganu, TERENGGANU	72**	Moderate
CA45T	Besut, TERENGGANU	68**	Moderate
CA46D	Tanah Merah, KELANTAN	76**	Moderate
CA47D	Kota Bharu, KELANTAN	88**	Moderate
CA48S	Tawau, SABAH	54**	Moderate
CA49S	Sandakan, SABAH	50**	Good
CA50S	Kota Kinabalu, SABAH	69**	Moderate
CA51S	Kimanis, SABAH	25**	Good
CA52S	Keningau, SABAH	57**	Moderate
CA53L	Labuan, W.P. LABUAN	55**	Moderate
CA54Q	Limbang, SARAWAK	55**	Moderate
CA55Q	ILP Miri, SARAWAK	55**	Moderate
CA56Q	Miri, SARAWAK	55**	Moderate
CA57Q	Samalaju, SARAWAK	55**	Moderate
CA58Q	Bintulu, SARAWAK	55**	Moderate
CA59Q	Mukah, SARAWAK	53**	Moderate
CA60Q	Kapit, SARAWAK	56**	Moderate
CA61Q	Sibu, SARAWAK	42**	Good
CA62Q	Sarikel, SARAWAK	54**	Moderate
CA63Q	Sri Aman, SARAWAK	66**	Moderate
CA64Q	Samarahan, SARAWAK	62**	Moderate
CA65Q	Kuching, SARAWAK	58**	Moderate

**MCAQM (Current API Value & Class)**

STATION ID	LOCATION	Date/Time:29/09/2023 20:00	
		API	STATUS
MCAQM001	Johan Setia	139**	Unhealthy
MCAQM002	IPD Serian	63**	Moderate
MCAQM003	Polliteknik Kota Kinabalu	58**	Moderate